

Menara Perubatan TTSH baru sedia 600 katil akut

Tawar jabatan kecemasan lebih besar, akses lebih cepat kepada rawatan pakar

Hospital Tan Tock Seng (TTSH) akan menda-pat tambahan 600 katil akut dan jabatan kece-masan lebih besar di bawah rancangan memba-ngunkan bekas Pusat Penyakit Berjangkit 2 dan bangunan Annex 2 menjadi menara perubatan. Projek itu akan memberi pesakit akses lebih cep-at kepada rawatan pakar dan penjagaan intensif bagi keadaan perubatan yang teruk, rumit atau mengancam nyawa dalam rangkaian bersepadu Penjagaan Kesihatan Nasional (NHG) Health. Dengan masa menunggu yang lebih pendek, pesakit dapat bergerak lancar antara penjagaan asas, lanjut dengan masyarakat, lapor *The Straits Times* (ST).

Menara Perubatan TTSH itu menandakan fasa

kedua Pelan Induk HealthCity Novena, yang di-lancarkan pada 9 September. Semasa pelancaran fasa baru itu, Menteri Kesi-hatan, Encik Ong Ye Kung, berkata: “Seiring dengan peningkatan penduduk yang semakin menua dan keperluan penjagaan kesiha-tan yang kian rumit, kita memerlukan lebih dari-pada sekadar pembaharuan kemudahan. (Kita perlukan) pembaharuan besar.” Beliau, yang juga Menteri Penyelaras bagi Da-sar Sosial, berkata fasa baru itu akan meneruskan kejayaan fasa pertama, yang telah siap pada 2024. “Fasa kedua akan memperkenalkan kemudah-an penjagaan kesihatan baru dan meningkatkan keupayaan melalui inovasi dalam proses serta



Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung (tengah), bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Hospital Tan Tock Seng (TTSH), Encik Tang Kong Choong (kiri), melawat pelancaran fasa kedua, Pelan Induk HealthCity Novena, pada 9 September. – Foto ST

pengurusan aliran pesakit dengan lebih baik,” ka-tanya. Diketahui oleh TTSH, pembangunan itu adalah langkah penting dalam pelan NHG Health untuk memperkukuh kapasiti penjagaan kesihatannya, memperbaiki akses kepada campur tangan perubatan dan meningkatkan hasil penjagaan klini-kal bagi 1.5 juta penduduk di tengah dan utara Singapura. Encik Ong berkata Menara Perubatan TTSH “akan direka supaya lebih cekap, dengan laluan penjagaan yang dipermudah, rawatan lebih ter-tumpu dan pemulihan lebih pantas”. Sepanjang 10 tahun lalu, NHG Health telah

mengembangkan prasarana dan keupayaan klini-kalnya untuk memenuhi keperluan penduduk yang pelbagai, termasuk memulakan Pelan Induk HealthCity Novena. Di bawah fasa pertama antara 2017 dengan 2024, lima pembangunan telah disiapkan. Antaranya ialah Bangunan Sains Klinikal Sek-olah Perubatan Lee Kong Chian, Pusat Inovasi Penjagaan Kesihatan Ng Teng Fong, Pusat Nasio-nal bagi Penyakit Berjangkit (NCID), Pusat Kulit Nasional (NSC) dan Hab Penjagaan Bersepadu TTSH. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TTSH, Dr Tang Kong Choong, berkata membina lebih ba-

nyak kemudahan yang sama tidak akan mencu-kupi. “Kami akan merancang kapasiti dengan lebih bijak dan berdaya tahan untuk menghadapi ca-baran penduduk yang semakin menua, menyok-ong tenaga kerja dan meningkatkan hasil penj-a-gaan kesihatan,” tambahnya. Sebagai antara penyedia penjagaan kecemasan yang paling sibuk di Singapura, TTSH bertindak sebagai responden pertama untuk menangani pelbagai kecemasan perubatan dan nasional. Sepanjang tiga tahun lalu, jabatan kecemasan-nya telah menguruskan lebih 125,000 kes setiap tahun.

LAPORAN PEJABAT JURUAUDIT NEGARA

Dokumen PUB untuk diaudit mungkin ada penyelewengan

Badan pemantau akaun awam Singapura telah mengesan kelemahan dan kemungkinan adanya pe-nyelewengan dalam audit tahunan kementerian dan agensi pemerintah, termasuk kes di mana dokumen kontrak agensi air negara, PUB, telah diubah untuk memberi gambaran palsu bahawa pemeriksaan yang diperlukan telah dijalankan. Satu kes dokumen yang dipalsukan itu melibatkan kontrak PUB bernilai \$7.95 juta, bagi membekal bio-sid kawalan serangga, kata Pejabat Juruaudit Negara (AGO) dalam laporan tahun kewangan 2024 hingga 2025 yang dikeluarkan pada 9 September. Di bawah kontrak itu, kontraktor perlu menyedia-kan siji analisis dari makmal bertauliah untuk menun-jukkan bahawa biosid memenuhi spesifikasi yang di-perlukan. AGO mendapati terdapat tanda kemungkinan ber-laku penyelewengan dalam salinan kesemua enam si-jil yang PUB serahkan untuk diaudit. Salinan dokumen elektronik yang bermasalah itu mempunyai nombor versi, format dan maklumat yang berbeza daripada salinan cetak asal yang disediakan oleh kontraktor. Ia “cuba memberi tanggapan palsu kononnya se-makan pada tahap bahan aktif telah dilakukan... dan PUB telah menerima barangan yang memenuhi ke-perluan kontraknya”, kata AGO. “AGO memandang serius terhadap sebarang pemberian maklumat palsu. “Tindakan sedemikian menimbulkan keraguan terhadap kesahihan dokumen lain yang diberikan un-tuk diaudit dan menghalang tugas AGO,” katanya. Dalam satu kenyataan, Kementerian Kewangan

(MOF) berkata PUB telah melancarkan siasatan da-laman mengenai perkara itu dan “akan mengambil tindakan sewajarnya, termasuk menunjuk kes itu kepa-da polis”. PUB membuat laporan polis mengenai kemung-kinan penyelewengan dalam sebut harga bagi kontrak berasingan bernilai \$6.75 juta untuk kerja landskap air. AGO mendapati penyelewengan dalam sebut har-ga bagi 23 daripada 25 “barangan berkadar bintang” atau *star rate items*, yang kadarnya tidak disenaraikan dalam kontrak. Nilai barangan itu mencecah \$148,900, atau 94 pe-natus daripada jumlah nilai barangan yang disemak. Memandangkan penyelewengan itu, AGO berka-ta ia bimbang sama ada sebut harga tersebut sah dan sama ada ia berbaloi. Kedua-dua kes itu adalah antara 25 daripada 132 kesilapan yang ditampilkkan AGO dalam laporannya. Yang lain mempunyai kaitan dengan pengurusan kontrak dan perolehan; pengurusan operasi, hasil dan geran; kelemahan dalam kawalan teknologi maklu-mat; serta pengendalian geran penyelidikan dan pe-ngembangan (R&D). Dalam laporannya, AGO berkata sektor awam per-lu memberi lebih perhatian kepada tiga bidang iaitu pengurusan dan perolehan kontrak, pengurusan hasil dan penyelewengan dalam rekod untuk diaudit. Mengenai pengurusan kontrak, AGO menggesa agensi sektor awam supaya memastikan barangan dan perkhidmatan yang disediakan benar-benar memenu-hi keperluan kontrak sebelum pembayaran dibuat, ka-tanya.

AGO kesan kelemahan audit tahunan agensi awam urus kontrak, perolehan

Pejabat Juruaudit Negara (AGO) mendapati beberapa kelemahan agensi awam dalam bidang seperti pengurusan kontrak dan perolehan, pengurusan hasil dan rekod dalam audit tahunan terkini akaun pemerintah. AGO menjalankan audit dan mengeluarkan pendapat mengenai penyata kewangan 16 kementerian dan lapan ba-dan pemerintah. Hal yang sama turut dilakukan bagi penyata kewangan 10 badan berkanun, tiga dana pemerintah, empat syarikat milik pemerintah dan dua akaun lain. Dalam laporan pada 9 September, AGO mendapati ber-laku kesilapan dalam pengurusan perolehan dan kontrak di Penguasa Kelautan dan Pelabuhan Singapura (MPA), Agensi Sains dan Teknologi Home Team (HTX), agensi air negara, PUB, Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) dan Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB), lapor *The Straits Times* (ST). AGO menyatakan beberapa agensi seperti HTX, PUB dan Perbadanan Bandar Jurong (JTC) menjalankan penilai-an tender tanpa mengikuti kriteria yang ditetapkan. Namun, ia menyatakan keputusan penganugerahan kontrak itu tidak terjejas bagi kes ini, tetapi perubahan kri-teria penilaian selepas tarikh tutup tender boleh menimbu-lkan persoalan mengenai keadilan proses penilaian. Justeru, AGO mengingatkan agensi agar memastikan tender dinilai sewajarnya. Dalam audit HTX, PUB dan MPA, AGO menyatakan pemeriksaan didapati tidak mencukupi ke atas barangan yang dihantar atau perkhidmatan yang disediakan. Akibatnya, jaminan diberikan tidak mematuhi keperlu-an kontrak. NEA pula gagal memantau pematuhan rakan kongsi sektor swasta terhadap keperluan dalam perjanjian projek-nya yang berkaitan dengan model kewangan projek.

Rakan kongsi tidak memberikan NEA model yang dike-mas kini untuk menggambarkan kos sebenar. Akibatnya, agensi itu membayar lebih kepada rakan kongsi sekitar \$530,000. Selepas model itu dikemas kini, NEA akan membayar kurang \$1.73 juta untuk baki tempoh kontrak. AGO turut mendapati penilaian tender oleh EDB dan MPA kurang ‘teguh’. EDB gagal menjelaskan percanggahan apabila seorang pembida mengemukakan data sokongan yang diperlukan selepas tarikh tutup tender, yang tidak sepadan dengan har-ga bidaannya. Di samping itu, EDB tidak menggunakan harga tawaran yang dikemukakan dalam penilaian tender dan pengesyor-an penganugerahan kepada Pihak Meluluskan Tender. Ia sebaliknya menggunakan angka lebih tinggi yang di-perolehi daripada data sokongan yang diterima selepas pe-nutupan tender. Bagi MPA, AGO mendapati dua contoh kesilapan dalam pemarkahan penilaian sesuatu tender. Salah satu kesilapan boleh menjejaskan penganugerahan tender, yang mungkin berlaku kepada tender lain yang har-ga bidaannya \$2.43 juta lebih rendah. EDB juga didapati mempunyai kelemahan dalam pen-tadbiran dan reka bentuk Program Pembiayaan Rangkaian Global Singapura. Ini termasuk jaminan yang tidak mencukupi bahawa pe-mohon dan peserta acara memenuhi kriteria kelayakan un-tuk pembiayaan, serta kekurangan keperluan untuk pemoh-on mengisytiharkan konflik kepentingan (COI) semasa mengemukakan tuntutan. AGO menyatakan bahawa tiada juga bukti EDB menja-lankan semakan kelayakan atau COI semasa memproses tuntutan pemohon dan peserta.

Unit dron, digital baru perkasa latihan SAF di AS

► **BATRISYIA BAHARIM**
batrisyia@sp.com.sg
dari Idaho, Amerika Syarikat

Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) memperkenalkan unit dron dan digital baru buat kali pertama dalam latihan di luar ne-gara, dikenali sebagai *Forging Sabre*, yang kini berlangsung di Idaho, Amerika Syari-kat. Ini didedahkan Kementerian Pertahan-an (Mindef) pada 9 September. Jumlah dron yang digunakan dalam La-tihan *Forging Sabre* 2025 (XFS25) itu telah meningkat kepada 24 unit berbanding 11 unit pada 2023, termasuk dron komersial seperti Skydio yang lebih murah dan mud-dah diperolehi.

Antara aspek baru dalam latihan itu ter-masuk penyertaan pasukan Tangkas Berinovasi Digital atau ‘Agile Innovation Digi-tal’ Angkatan Udara Republik Singapura (RSAF) (RAiD), yang buat julung-julung kalinya menyertai latihan tersebut. Terdiri daripada jurutera perisian yang bekerjasama rapat dengan Agensi Sains dan Teknologi Pertahanan (DSTA), RAiD menyesuaikan aplikasi digital secara lang-sung di lapangan bagi mempercepat kitaran pemerhatian dan keputusan atau *Observe-Orient-Decide-Act* (OODA) SAF. Latihan XFS25 yang diadakan dari 6 hingga 21 September, melibatkan lebih 800 anggota SAF dan Komuniti Teknologi Per-tahanan di kawasan latihan yang lebih 20 kali ganda lebih luas daripada ruang latihan di Singapura.

Memasuki edisi ke-10, latihan dwita-hunan itu menjadi medan ujian bagi SAF mencuba konsep peperangan dan teknolo-gi baru. “Pendekatan ini memanfaatkan analisis data dan inovasi digital bagi memberi kele-bihan taktikal kepada pasukan SAF di me-dan perang,” kata Mindef. Turut membuat penampilan sulung ialah unit Operasi Penyepaduan dan Pengerahan Pantas Dron (Droid), di bawah kendalian Pusat Peperangan dan Taktik Sistem Pesawat Tanpa Pemandu atau UAS (UWTC). Unit tersebut menguji penggunaan dron komersial kecil bagi tujuan pengawasan dan pemantauan di medan perang, di sam-ping beroperasi bersama pesawat pejuang dan artileri dalam misi serangan bersepa-du.

Selain RAiD dan Droid, Sistem Kawalan dan Perintah Maklumat (CCIS) turut diper-tingkatkan. Digambarkan fungsinya sebagai ‘minda’ latihan, CCIS kini dilengkapi automasi, pe-nyepaduan digital serta algoritma pintar untuk membantu Panglima Tentera mem-buat keputusan pada masa nyata. Leftenan Kolonel Lim Swee Ann dari-pada UWTC pula mengumpamakan fungsi baru CCIS sebagai aplikasi e-panggilan atau ‘ride-hailing’ untuk dron, di mana sis-tem boleh mengesyorkan aset paling sesuai dengan mengambil kira lokasi pesawat tan-pa pemandu, keperluan misi dan tempoh penggunaan. Latihan tersebut turut menekankan ba-gaimana SAF dapat mengekalkan operasi walaupun berdepan dengan peperangan

elektronik atau gangguan lain di medan konflik. Mindef berkata: “Bertema, *Bersepadu, Mudah Suai, Tepat*, XFS25 membolehkan SAF menggabungkan operasi merentas pelbagai domain, belajar daripada konflik semasa dan melaksanakan tindakan se-rangan dengan pantas serta tepat demi keja-yaan misi.” *Forging Sabre* berkembang pesat sejak edisi pertamanya pada 2005, yang pada ke-tika itu hanya melibatkan pesawat pejuang F-16, komando dan artileri. Dua dekad kemudian, ia kini menampilkan pesawat pejuang F-15SG, F-16 yang di-naik taraf, UAV Heron 1 dan Pengangkutan Tangki Pelbagai Peranan A330 (MRIT) di-sokong oleh sistem kawalan dan perintah lebih canggih.